

BN pilih calon boleh berkhidmat kepada rakyat

um - 10/1/2007

PUTRAJAYA 9 Jan. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Barisan Nasional (BN) hanya akan memilih calon yang boleh berkhidmat kepada rakyat untuk bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam, Pahang.

Menurut Perdana Menteri, ini kerana kerajaan ingin melihat calon BN tersebut boleh memberikan perkhidmatan yang diperlukan kepada rakyat.

"Kita nak orang yang boleh berkhidmat untuk rakyat," katanya yang juga Pengerusi BN kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis pecah tanah projek Institut Kanser Negara di sini hari ini.

Beliau mengulas kriteria calon yang akan dipilih bertanding di kerusi DUN Batu Talam berikutan kematian wakil rakyatnya, Datuk Tengku Paris Tengku Razlan pada 27 Disember lalu kerana barah paru-paru dan usus.

Pada pilihan raya umum 2004, Tengku Paris memperoleh 5,414 undi menewaskan calon Pas, Dr. Mohamed Nilam Abdul Manap yang meraih 2,653 undi. Tengku Paris mendapat kelebihan 2,761 undi.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 16 Januari ini sebagai hari penamaan calon dan pengundian akan berlangsung pada 28 Januari sekiranya terdapat pertandingan.

Mengenai senarai calon, Abdullah berkata, apabila nama-nama tersebut sampai kepadanya, beliau akan berunding dengan Badan Perhubungan UM-NO Pahang.

Ditanya mengenai cadangan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Ab. Rashid Ab. Rahman supaya badan itu distruktur semula, Perdana Menteri berkata:

"Biar beliau (Ab. Rashid) memberitahu saya apa yang beliau mahu."

Ab. Rashid mencadangkan supaya badan itu distruktur semula dan undang-undang serta peraturan pilihan raya di bawahnya yang sudah berusia 50 tahun dirombak secara drastik.

Kajian semua itu bertujuan menjadikan SPR dan proses pilihan raya yang sering dikritik pelbagai pihak, menjadi lebih telus, adil dan saksama kepada semua parti politik dan rakyat negara ini.